



## **JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

### **TEKS KHUTBAH**

**(KHAS SEMPENA ISTIADAT PERTABALAN SERI PADUKA BAGINDA  
YANG DI-PERTUAN AGONG KE-17)**

**Tajuk:**

**RAJA DITAATI, NEGARA DIRAHMATI**

**Tarikh Dibaca:**

**13 MUHARRAM 1446H /  
19 JULAI 2024**

**Disediakan oleh:**

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**



جامعة إسلام ملaysia  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

## RAJA DITAATI, NEGARA DIRAHMATI

19 JULAI 2024 / 13 MUHARRAM 1446H

الحمد لله القائل:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

قُلْ اللَّهُمَّ مَا لِكَ الْمُلْكُ تُؤْتِي الْمُلْكَ مَنْ تَشَاءُ وَتَنْزِعُ الْمُلْكَ مِمَّنْ تَشَاءُ وَتُعِزُّ مَنْ تَشَاءُ وَتُذِلُّ مَنْ تَشَاءُ بِيَدِكَ الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ۖ (سورة آل عمران)  
أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسِّلِّمْ عَلَىٰ نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ أَهْلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَ بِدَعْوَتِهِ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ  
اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيْكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Perbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam rahmat Allah SWT. Berikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan janganlah melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti berbual-bual dan bermain telefon bimbit. Mudah-mudahan khutbah ini akan memberi banyak pengajaran kepada kita semua.

Bersempena Pertabalan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Yang Ke-17, pada hari ini saya akan membicarakan khutbah bertajuk: “Raja Ditaati, Negara Dirahmati”.

## **SIDANG JEMAAH YANG DIKASIH SEKALIAN,**

Tanggal 20 Julai 2024 esok, merupakan suatu detik sejarah istimewa Negara apabila Istiadat Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim bakal disempurnakan di Istana Negara. Istiadat Melafaz Sumpah dan Menandatangani Surat Sumpah Jawatan Yang di-Pertuan Agong ke-17 yang telah berlangsung pada 31 Januari 2024 lalu, menandakan permulaan pemerintahan Baginda selama lima tahun sekaligus menzahirkan bahawa Institusi Yang di-Pertuan Agong sentiasa dipertahankan dalam usaha menjamin kesejahteraan dan keharmonian rakyat dan negara ini seluruhnya.

Pertabalan ini sangat signifikan kerana ia lambang kepada sistem raja berperlembagaan di Malaysia serta ia menjulang tinggi darjat Yang di-Pertuan Agong yang bertindak sebagai payung negara.

Baginda, dalam lafaz angkat sumpah telah menekankan dengan jelas akan menjalankan pemerintahan dengan adil menurut undang-undang dan Perlembagaan. Baginda turut telah melafazkan ikrar untuk memelihara kesucian agama Islam sesuai dengan bidang kuasa yang telah diperuntukkan kepada Baginda dalam Perlembagaan Malaysia.

## **SIDANG JEMAAH YANG DIKASIH SEKALIAN,**

Istiadat Pertabalan ini sangat penting untuk mengukuhkan kesetiaan kita kepada sistem yang telah lama diamalkan, iaitu sistem Raja Berperlembagaan. Yang di-Pertuan Agong berperanan mewujud dan melestarikan perpaduan rakyat, dan memastikan pentadbiran negara berada dalam landasan yang betul demi memelihara kedaulatannya dan kesejahteraan rakyat. Hubungan raja dan rakyat ini diibaratkan seperti pohon pokok iaitu raja umpama pohon dan rakyat sebagai akarnya. Maka sudah tentulah pohon tidak berupaya hidup tanpa akar yang kuat dan akar pula sangat perlukan pohon yang hidup dan menjalankan fungsinya dengan baik. Inilah disebut sebagai hubungan simbiosis yang menunjukkan raja memerlukan rakyat dan rakyat juga memerlukan raja sebagai tempat berlindung.

Perlu kita fahami bahawa Institusi Yang di-Pertuan Agong dan Institusi Raja-Raja Melayu harus dipertahankan kerana kita telah berada dalam institusi ini dengan acuan kita sendiri. Apatah lagi, dengan peranan Baginda yang bertindak sebagai Ketua Agama Islam bagi

negeri-negeri tidak beraja iaitu Pulau Pinang, Sarawak, Sabah, Melaka dan Wilayah Persekutuan. Manakala di negeri-negeri lain, Ketua Agama Islam ialah Sultan atau Raja di negeri berkenaan. Rakyat dapat hidup aman damai dengan sistem ini tanpa kekacauan atau haru-biru kerana kita percaya bahawa kita mempunyai seorang raja berdaulat yang merupakan pemerintah tertinggi negara kita bergelar Yang di-Pertuan Agong.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong termasuk dalam *Ulil Amri* (pemimpin) yang wajib ditaati. Firman Allah SWT dalam Surah al-Nisaa' ayat 59:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَئِكُمْ أَعْلَمُ بِمِنْكُمْ

**Maksudnya:** “Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu”.

Ayat ini mengandungi perintah asas iaitu kewajipan taat kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW sebagaimana dihuraikan oleh Ahmad bin Mustafa al-Maraghi memberikan makna yang lebih umum untuk *ulil amri*, iaitu para pemimpin negara berserta seluruh jajarannya, ulama, panglima perang dan setiap pemimpin atau orang yang menjadi rujukan manusia berkait permasalahan hidupnya. Ketika mereka sepakat dan memutuskan suatu perkara, maka manusia wajib mematuhi seligimana keputusan tersebut tidak melanggar syariat.<sup>1</sup>

Hal ini dikukuhkan lagi oleh sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Ibnu Umar *radhiyallahu anhuma* bahawa Rasulullah SAW bersabda:

عَلَى الْمَرءِ الْمُسْلِمِ السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ فِيمَا أَحَبَّ وَكَرِهَ، إِلَّا أَنْ يُؤْمِنَ بِعَصِيَّةٍ، فَإِنْ أَمِرَ بِعَصِيَّةٍ فَلَا سَمْعٌ وَلَا طَاعَةٌ

**Maksudnya:** “(Wajib) atas setiap orang muslim untuk mendengar dan mentaati pemimpin pada perkara yang dia sukai atau benci kecuali jika dia diperintah untuk melakukan

---

<sup>1</sup> Tafsir al-Maraghi, jilid 5, 72

*kemaksiatan, maka jika diperintah mengerjakan suatu kemaksiatan, tidak ada kewajipan baginya untuk mendengar dan mentaati". (**Muttafaq 'alaihi**)*

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Justeru, sebagai rakyat, marilah kita menumpahkan taat setia kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam menunaikan taklifan Baginda yang sangat besar ini. Sama-sama kita berdoa agar Istiadat Pertabalan yang bakal berlangsung akan berjalan dengan lancar dan dalam perlindungan Allah SWT. Seterusnya kita panjatkan juga doa kesejahteraan, ‘afiyah dan ‘inayah buat Baginda dalam meneraju dan memimpin rakyat di negara ini menurut Perlembagaan dan panduan Islam yang ditetapkan. Inilah sebahagian tanggungjawab kita. Fudhayl bin ‘Iyadh, seorang ulama yang sangat zuhud dan wara’ pernah mengungkapkan:

*“Seandainya aku memiliki doa yang mustajab, aku akan tujukan doa tersebut pada pemimpinku”.*

Ada yang bertanya pada Fudhail, “Kenapa begitu?”.

Beliau menjawab, *“Jika aku tujukan doa tersebut kepada diriku sahaja, maka itu hanya bermanfaat untukku. Namun jika aku tujukan untuk pemimpinku, maka rakyat dan negara turut akan mendapat kebaikan”.*

Justeru, mengakhiri khutbah pada hari ini, saya ingin membuat beberapa rumusan;

**Pertama:** Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim sangat signifikan kerana ia lambang kepada sistem raja berperlembagaan di Malaysia serta ia menjulang tinggi kedudukan Yang di-Pertuan Agong yang bertindak sebagai payung negara.

**Kedua:** Yang di-Pertuan Agong berperanan mewujud dan melestarikan perpaduan rakyat, dan memastikan pentadbiran negara berada dalam landasan yang betul demi memelihara kedaulatannya dan kesejahteraan rakyat.

**Ketiga:** Kita hendaklah menumpahkan taat setia kepada Baginda selaras dengan ikrar Rukun Negara yang telah kita lafazkan.

Sama-sama kita merenungi firman Allah SWT dalam Surah al-Nisaa ayat 58:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤْدُوا الْأَمَانَاتِ إِلَى أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ

إِنَّ اللَّهَ نِعِمًا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ۝

**Maksudnya:** “Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat”.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعَنِي وَآيَاتِكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقْبِيلَ مِنِي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتِهِ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءُ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدِنَ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى أَهْلِهِ وَاصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنْ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تَقْعِيَّتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللّٰهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّكُمِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللّٰهُ تَعَالٰى: إِنَّ اللّٰهَ وَمَلِكُتُهُ وَيُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا عَيْهَا الَّذِينَ ءامَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيماً ۖ

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخَلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنِ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِيِّ التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدِ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَا وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةَ جَلَالَةً مَلِكَنَا كِبَاوَهُ دُولِي يَعْ مَهَا مُولِيَا سَرِيِّ قُدوَّكَ بِكِينِدَا يَعْ دَفْرَتوَانِ اكْنُوَغْ سُلْطَانِ إِبْرَاهِيمَ.

وَكَذَلِكَ كِبَاوَهُ دُولِي يَعْ مَهَا مُولِيَا سَرِيِّ قُدوَّكَ بِكِينِدَا رَاجِ فَرْمَايِسُورِيِّ اكْنُوَغْ، رَاجِ زَارِيَثُ صُوفِيَاَهُ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عَلِمَاءَهُ وَوزَراءَهُ وَقُضاَتِهِ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاَهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيَزِيَا آمِنَا مُطْمَئِنَّا، سَخَاءَ رَخَاءَ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَآمِنٌ وَآمَانٌ، وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِرِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،  
وَأَخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِيْ كَلْمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ انصِرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعِفِينَ فِي فَلَسْطِينَ.

اللَّهُمَّ انصِرْ الْمُسْلِمِينَ الْمُسْتَضْعِفِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ، اللَّهُمَّ ارْحِمْ الْمُسْتَضْعِفِينَ مِنْ عِبَادِكَ.

اللَّهُمَّ اكْشِفْ الْغَمَةَ عَنْ أَمْتَنَا، اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ أَنْ تُرْفَعَ الْبَلَاءُ عَنْ غَرَّةِ وَاهْلِهَا، وَأَنْ

تُنْصِرُهُمْ عَلَى عَدُوِّهِمْ، وَأَنْ تُرْحِمَ الْمُسْتَضْعِفِينَ مِنْ عِبَادِكَ، وَأَنْ تُكْشِفَ الْغَمَةَ عَنْ

أَمْتَنَا، اللَّهُمَّ عَافِنَا وَالْطُّفْ بَنَآ وَاحْفَظْنَا وَانْصُرْنَا وَفَرِجْ عَنَّا وَالْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اكْفِنَا

وَإِيَّاهُمْ جَمِيعًا شَرَّ مَصَابِ الدُّنْيَا وَالدِّينِ.

اللَّهُمَّ ادْفِعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفَتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا

وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلْدَنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بَلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجَنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

رَبَّنَا آتَانَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.